

Terpaksa belajar dalam banjir

Tiga sekolah ditenggelami air selepas hujan lebat semalam

KOTA ALAM SHAH - Hujan lebat semalam menyebabkan beberapa kawasan perumahan termasuk sekolah di kawasan ini ditenggelami air sehingga memaksa pelajar dan kakitangan sekolah meredah air sedalam 0.5 meter.

Tinjauan *Sinar Harian* mendapati antara sekolah yang ditenggelami air adalah Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Ampuan Rahimah (STAR), Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Hin Hua dan Sekolah Kebangsaan Simpang Lima 2.

Hujan lebat sekitar jam 8 pagi menyebabkan limpahan air mula memenuhi jalan raya berdekatan sebelum memasuki pekarangan ketiga-tiga sekolah terbabit.

Pengetua STAR, Rahmah Arsat berkata, air melimpah masuk kawasan sekolah ketika lebih 1,200 pelajar sesi pagi sedang mengikuti pembelajaran di kelas masing-masing.

"Bagaimanapun saya bersyukur kerana bilik darjah tidak dimasuki air. Kejadian seumpama ini sering kali berlaku terutamanya bila hujan lebat di kawasan ini.

"Saya percaya ia berkemungkinan berlaku disebabkan sistem perparitan di sini yang bermasalah," katanya.

Lebih melucukan menurutnya, hari perta-



RAHMAH



MOHD AFIQ

ma dia mula bertugas sebagai Pengetua di STAR pada 29 November tahun lalu turut disambut dengan kejadian sama.

"Malah saya dimaklumkan sebelum kehadiran saya di sini, STAR sering ditenggelami air sejak STAR ditubuhkan pada 1959.

"Hingga 2012 kejadian sama masih berulang. Saya harap pihak berkuasa dapat mengambil tindakan yang sepatutnya bagi mengelak kejadian sama berulang pada masa depan," katanya ketika lawatan Timbalan Pengarah Pelajaran Selangor, Mahmud Karim ke lokasi kejadian.

Beliau berkata, kejadian ini turut menjejaskan aktiviti seramai 1,793 pelajar termasuk sesi pagi dan petang sekolah ini.

"Apa yang membimbangkan saya jika wujud haiwan berbisa seperti ular atau kala jengking yang boleh mengancam keselamatan pelajar dan kakitangan sekolah ini," katanya.

Malah *Sinar Harian* dimaklumkan, beberapa pelajar turut ternampak ular di belakang blok bangunan STAR ketika kejadian, semalam.

Pelajar sedia selipar ke sekolah

SEMENTARA itu, seorang pelajar tingkatan 2 dari STAR, Mohd Afiq Roslan berkata, dia dan rakan-rakan sudah bersiap sedia setiap kali hu-



jan lebat kerana sedia maklum sekolah ini pasti ditenggelami air.

"Saya dan rakan akan bawa selipar bagi meredah banjir. Bagaimanapun, saya bersyukur kerana bilik darjah saya tidak dinaiki air.

"Jika air melimpah masuk pasti proses pembelajaran saya dan rakan terganggu. Cuma pergerakan kami untuk ke kantin dan beberapa tempat lain sedikit terjejas selain khuatir wujud binatang berbisa dalam air," katanya.

Sistem perparitan bermasalah

DALAM pada itu, *Sinar Harian* dimaklumkan beberapa kawasan perumahan lain dalam Dewan Undangan Negeri (Dun) Kota Alam Shah turut dinaiki air hingga memasuki ke-

diaman penduduk antaranya Taman Chi Liung.

Penduduk mendakwa, kejadian berlaku disebabkan sistem perparitan bermasalah di kawasan berkenaan selain kunci air di kawasan Pandamaran rosak hingga air tidak dapat keluar ke laut semasa hujan lebat melanda kawasan ini.

Malah Kampung Delek Baru, Dun Selat Klang juga dinaiki air bagaimanapun air tidak memasuki kediaman penduduk.

Selain itu, Kampung Jawa, Parlimen Kota Raja turut dinaiki air petang semalam hingga menjejaskan aktiviti penduduk.

Rata-rata penduduk mendesak pihak berkuasa mencari langkah penyelesaian bagi menghalang kejadian sama berulang.



Kakitangan sekolah terpaksa meredah banjir.



Suasana SMK Tengku Ampuan Rahimah yang ditenggelami air.



Air turut memenuhi jalan di luar pekarangan sekolah.